

Takaful Gadai Janji – MRTT

Soalan Lazim

Siapakah yang boleh menyertai pelan ini?

Pelan ini adalah untuk mereka yang berumur 17-70 (umur hari jadi terhampir).

Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

Jumlah caruman untuk pelan ini adalah bergantung kepada umur, jantina, jenis bangunan, tempoh pembiayaan dan jumlah perlindungan yang anda pilih. Sila klik pada 'Kalkulator' untuk mendapatkan sebut harga caruman untuk perlindungan anda.

Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan di bawah MRTT LPPSA?

Pelan ini melindungi Kematian atau Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) (sebelum umur 65 hari jadi terhampir) ke atas Orang Yang Dilindungi.

Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila rujuk pada *Ilustrasi Manfaat atau Sijil Takaful untuk Jadual Jumlah Perlindungan Berkurangan*.

Apakah caj-caj yang dikenakan di bawah MRTT LPPSA?

- Caj Pendahuluan (25% daripada caruman tunggal yang dibayar) ditolak terlebih dahulu dari Akaun Individu Peserta (ditolak Cukai Perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain (jika ada), yang terdiri daripada:
 - i. kos pengagihan termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara; dan
 - ii. perbelanjaan pentadbiran.
- Tabarru' bergantung kepada jumlah perlindungan, umur, dan jantina Orang Yang Dilindungi. Tabarru' akan ditolak secara bulanan daripada Akaun Individu Peserta (PIA).

Apakah pengecualian utama di bawah pelan MRTT LPPSA?

- Kematian dalam tahun pertama sijil akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- HUPK akibat kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras, atau yang terjadi kesan daripada anda melanggar undang-undang atau provokasi menyerang.
- HUPK yang telah wujud sebelum atau pada Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful bagi senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.